

**SOALAN NO. 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL  
SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk meminda hukuman mati mandatori kepada mengikut budi bicara Mahkamah akan berkuatkuasa secara retrospektif dan sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 1 Mac 2017 antara lain telah bersetuju supaya pindaan dibuat kepada seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan memasukkan peruntukan tambahan bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah menjatuhkan hukuman selain daripada hukuman mati mandatori dalam keadaan-keadaan tertentu yang ditetapkan bagi kesalahan mengedar dadah di bawah seksyen 39B akta berkenaan.

Susulan daripada itu, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara telah mengadakan beberapa siri perbincangan termasuk dengan wakil-wakil daripada agensi penguatkuasaan yang berkenaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kimia, Polis Diraja Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia. Jabatan Peguam Negara seterusnya telah menyiapkan draf pertama Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 dan perkara ini juga telah dimaklumkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 28 Julai 2017.

Buat masa ini, Jabatan Peguam Negara bersama dengan Kementerian serta agensi-agensi berkaitan sedang mengambil segala tindakan yang sewajarnya untuk membentangkan Rang Undang-Undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017 untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri sebelum dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Berkenaan sama ada budi bicara mahkamah tersebut akan berkuatkuasa secara retrospektif, ianya adalah satu perkara dasar yang akan dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.